

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
KAWASAN : HULU LANGAT
TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam membantu lambakan kontraktor G1 khususnya Bumiputera yang kini berdepan dengan masalah kekurangan projek, selain mempertimbangkan sistem agihan projek yang lebih telus (menghapuskan kartel) termasuklah pengundian secara manual di jabatan teknikal berkenaan (JKR/JPS) dan bukannya oleh konsesi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kerja Raya menyedari isu lambakan kontraktor G1 khususnya kontraktor Bumiputera ekoran kekurangan projek-projek pembangunan disebabkan kekangan kewangan negara. Namun, kekangan ini bersifat sementara kerana kerajaan komited mengurangkan defisit negara dengan mengambil langkah konsolidasi fiskal termasuk pengurusan perbelanjaan dan hutang negara yang lebih cekap dan telus bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang secara mampan dan inklusif.

Dalam hal ini juga, Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Kewangan (PK)1.1 masih mengekalkan keutamaan kepada kontraktor G1 khususnya Bumiputera. Manakala di peringkat Kementerian Kerja Raya, kerja-kerja yang menggunakan Jadual Kadar Harga JKR turut dikhaskan kepada kontraktor G1 (Bumiputera) sahaja. Ini juga termasuk kerja-kerja yang bernilai RM200,000.00 - RM350,000.00 di mana pengagihan masih kepada sekurang-kurangnya 50% dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera.

Selain itu, kontrak perjanjian penswastaaan penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dimeterai dengan syarikat-syarikat konsesi sedia ada telah mewajibkan syarikat konsesi untuk memberikan sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah nilai kontrak kerja penyenggaraan tahunan kepada Kontraktor Bumiputera tempatan termasuk kontraktor G1. Kontrak kerja penyenggaraan ini meliputi skop penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala dan kerja kecemasan kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui agensi di bawahnya iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah berusaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan kontraktor-kontraktor kecil seperti G1 - G3 untuk meningkatkan daya persaingan dan keupayaan mereka melalui pelbagai latihan. Latihan-latihan tersebut adalah seperti kursus pembangunan kontraktor secara berterusan

(*Continuous Contractor Development*), kursus pengurusan kontraktor yang terdiri daripada modul bisnes, tred dan pakar serta menerusi program-program kolaborasi bersama agensi dan persatuan kontraktor.

Selain itu, CIDB turut menjalankan program kolaborasi bersama industri untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti kontraktor menerusi persatuan kontraktor seperti Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) dan lain-lain. Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2018 adalah 'Bengkel Pengurusan Projek Kontraktor Binaan', 'Seminar Peningkatan Akses Pembiayaan', 'Seminar Meningkatkan Kualiti Kerja Pembinaan di kalangan Kontraktor Bumiputera Melalui QLASSIC' dan sebagainya.

Sebagai langkah persediaan untuk menghadapi cabaran pada masa akan datang, CIDB telah membangunkan program-program seperti aplikasi *Contractor4U* yang bertujuan untuk melahirkan kontraktor-kontraktor tred serta menyediakan peluang pekerjaan kepada kontraktor selain bergantung kepada projek-projek kerajaan. CIDB juga membangunkan portal pembelajaran secara atas talian (E-Learning) yang selari dengan IR4.0.

Sekian, terima kasih.